

'Kedai sama saiz, seragam lebih baik'

Kuala Lumpur: Usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memastikan keseragaman serta memberikan wajah baharu kepada kawasan perniagaan di Jalan Melayu, di sini, disambut baik.

Peniaga, Norazimah Mohamad Noor, 50, berkata, usaha menaik taraf itu dilihat langkah positif yang memberi manfaat kepada semua peniaga.

Norazimah berkata, kerja penambahbaikan dijalankan DBKL termasuk menyeragamkan saiz tapak gerai memberi impak sangat baik.

"Bila DBKL tetapkan saiz standard, ia dapat memastikan keseragaman antara gerai dan menjadikan kawasan lebih teratur.

"Tak ada lagi gerai lebih besar atau kecil dari sepatutnya sebab sebelum ini setiap kedai saiznya berbeza.

"Kami menyokong penuh usaha menaik taraf kawasan ini kerana ia memulihkan imej Jalan Melayu yang sebelum ini agak usang," katanya, semalam.

Menurutnya, pengumu-

man mengenai proses naik taraf kawasan terabit memberikan kelegaan kerana ia membawa lebih banyak pengunjung ke Jalan Melayu.

"Jalan Melayu lebih cantik dan meriah. Kami peniaga perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk memastikan semua berjalan lancar," katanya.

Seorang lagi peniaga, Shahuddin Achin, 60, berkata, kerja pembinaan dimaklumkan dalam mesyuarat tahun lalu dan dimulakan semalam.

"Semua peniaga dipindahkan ke tapak sementara di Semua House bermula Jun ini secara berperingkat mengikut zon ditetapkan.

"Kerja menaik taraf itu tidak mengganggu aktiviti perniagaan kerana ia dijalankan pada waktu malam selepas gerai ditutup," katanya.

Shahuddin berkata, pihak berkaitan memberi tempoh jelas untuk perpindahan penuh pada Jun.

"Buat masa ini, peniaga menunggu keputusan akhir mengenai struktur gerai baru," katanya.



**“
Kami sokong
penuh usaha
menaik taraf
kawasan ini
Norazimah**